

CNS0875

U GB 31-05 00174 BA241

Bah

Mahathir - Kekuatan

MELAKA, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat berbilang kaum di negara ini harus mengurangkan perbezaan dan menumpukan kepada persamaan antara kaum untuk mencapai matlamat nasional menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, setiap kaum di negara ini mempunyai kekuatannya sendiri dan jika kekuatan itu digemblengkan, Malaysia akan lebih cepat berjaya daripada negara yang hanya mempunyai penduduk daripada satu kaum sahaja.

+Apabila kita mencapai tahap negara maju, pada ketika itu kekayaan negara adalah mencukupi untuk semua kaum dan penduduk, dan kita tidak harus berebut-rebut lagi kerana kita mempunyai kekayaan hasil daripada usaha kita sendiri,+ kata beliau ketika berucap pada perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Kubu di sini.

Pada majlis itu Datuk Seri Dr Mahathir sekali gus melancarkan Program Induk Belia Negara (PIBN).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata; +Semua kaum di negara ini mesti bekerja sama kuat, sama dengan yang terkuat di antara kita supaya akan tercapai matlamat kita.+ -- Lagi.

♥31/05/12-56MST

U GB 31-05 00192 BA247

Bah

Mahathir - Kekuatan 2 Melaka

Rakyat di negara ini harus ingat bahawa negara yang penduduknya terdiri daripada satu kaum juga mengalami perpecahan dan pelbagai masalah seperti merusuh dan melawan sesama sendiri seperti kerana perbezaan antara kumpulan yang rendah dengan yang lebih tinggi, kerana perbezaan ideologi dan kepimpinan.

+Dalam masyarakat manusia perpecahan memang mudah berlaku, yang penting bukan menumpukan kepada sebab-sebab perpecahan harus berlaku, tetapi mencari kekuatan daripada perbezaan yang terdapat di antara kita.

+Di Malaysia kita boleh belajar antara satu sama lain, kita boleh tumpukan kepada perkara-perkara yang sama di antara kita supaya dapat kita kurangkan perbezaan dan sebaliknya mengutamakan persamaan yang boleh menyatupadukan kita dan menggemblengkan tenaga kita untuk mencapai matlamat kita bagi wawasan kerajaan pada tahun 2020,+ katanya.

Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada rakyatnya bukan kepada sumber asli kerana negara yang mempunyai sumber kekayaan yang banyak tidak boleh dibangunkan tanpa usaha rakyat.

+Negara yang tidak mempunyai sumber alam yang banyak tetapi kerana rakyatnya sanggup bekerja keras, sanggup membelakangkan masalah lain, sanggup menumpukan kepada pembangunan bangsa dan negara mereka, mereka mencapai kejayaan,+ kata beliau lagi. -- Lagi.

♥31/05/13-09MST

CNS0905

R GB 31-05 00183 BB222

BAH

Mahathir - Kekuatan 3 Melaka

Datuk Seri Dr Mahathir menekankan bahawa wawasan 2020 adalah untuk golongan belia kerana merekalah yang akan mengecapi nikmat kejayaannya dan mereka bertanggungjawab untuk berusaha bagi memastikan ia berjaya dilaksanakan.

Sehubungan itu kerajaan telah merancang PIBN dan penekanan perlu diberi terhadap program perlaksanaannya.

+Program akan tinggal program jika kita tidak tumpukan kepada perlaksanaannya, begitu juga wawasan akan tinggal wawasan yang dicatat dalam buku, yang dilapor dalam akhbar tetapi tidak akan membawa apa-apa kejayaan kepada kita,+ tegas beliau.

Menurut beliau, pelaksanaan program itu bergantung kepada pelbagai perkara, dengan yang pertamanya keyakinan bahawa apa yang dibuat adalah untuk kebaikan dan yang kedua penyusunan langkah secara tertib dan teratur untuk mencapai matlamat itu.

+Dalam usaha ini kita tidak harus lemah dan kurang semangat atau malas untuk menjayakan sesuatu usaha,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, berbeza daripada rancangan sebelum ini, yang dirangka selama lima tahun tiap-tiap satu, wawasan 2020 akan mengambil masa 30 tahun dan tumpuan haruslah diberikan kepada usaha menjayakannya, bukan setakat membincangkannya semata-mata untuk mencari kelemahan dan keburukan.
-- Lagi.

♥31/05/13-59MST

CNS0908

R GB 31-05 00184 BB223

BAH

Mahathir - Kekuatan 4 Melaka

Walaupun masa 30 tahun bagi menjayakan wawasan itu adalah satu tempoh yang panjang tetapi dalam sejarah sesebuah negara masa itu pendek tetapi banyak perkara boleh berlaku dalam jangka waktu itu, kata beliau.

+Kita lihat negara yang mundur boleh menjadi kuasa dunia dalam masa 30 tahun hasil usaha gigih rakyatnya,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Oleh itu rakyat negara ini harus berfikir bahawa apa yang dibuat oleh pihak lain boleh juga mereka lakukan dan ia tidak mustahil dengan adanya keyakinan dan penumpuan usaha yang tertib.

+Yang menjadi masalahnya ialah kita mudah terpesong kepada perkara titik bengik, perkara-perkara kecil yang banyak membuang masa dan tenaga sedangkan masa itu boleh ditumpukan kepada kebaikan dan pembangunan,+ kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata semasa pelaksanaan sesuatu rancangan, masalah pasti akan timbul dan rakyat bertanggungjawab membetulkan segala kesilapan bagi meneruskan rancangan itu.

Kerajaan tidak mungkin dapat menyediakan satu rancangan yang paling sempurna untuk masa depan tetapi dengan adanya usaha yang tersusun dan teratur segala kelemahan dan keburukan dapat dikurangkan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai pelbagai program kerana mahu menentukan haluan dan matlamat agar negara dapat bergerak mencapai apa yang dikehendaki.

Beliau berharap PIBN akan membentuk nilai-nilai baik di kalangan belia negara ini untuk menghadapi masa depan yang lebih gemilang.

Kejayaan atau sebaliknya wawasan 2020 bergantung kepada golongan belia dan jika ia gagal belialah yang akan rugi.

+Saya harap semua belia negara ini menjadikan hari ini sebagai satu permulaan bagi usaha mencapai matlamat wawasan 2020 demi kepentingan saudara dan saudari sendiri,+ katanya. -- Bernama.

♥31/05/14-03MST